BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 08/06/12

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 30 Ogos 2006

SIARAN AKHBAR

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan di Malaysia pada Suku Kedua 2006

Momentum pertumbuhan terus kukuh

Pertumbuhan ekonomi Malaysia lebih kukuh, dengan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat 5.9% pada suku kedua (S1: 5.5%). Aktiviti ekonomi terus dipacu oleh sektor swasta. Sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian merupakan penyumbang utama pertumbuhan pada suku ini.



Sektor perkhidmatan berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 6% pada suku kedua, didorong terutamanya oleh pertumbuhan subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran yang lebih kukuh. Nilai ditambah sektor perkilangan terus berkembang dengan kukuh sebanyak 8.4% (S1: 8.5%), disokong oleh prestasi industri berasaskan sumber yang memberangsangkan dan pengembangan industri keluaran elektronik dan elektrik (E&E) yang berterusan. Yang nyata ialah pertumbuhan dua angka (11.1%) yang dicatat oleh industri kimia dan keluaran kimia berikutan permintaan luar negeri yang kukuh. Selain itu, pengeluaran industri keluaran getah dan pemprosesan di luar estet meningkat masing-masing sebanyak 8.4% dan 7.4%. Dalam industri berorientasikan dalam negeri, pengeluaran industri bahan berkaitan pembinaan meningkat, manakala keluaran logam yang direka mencatat pertumbuhan dua angka yang lebih besar.

Prestasi pertumbuhan sektor pertanian (5.8%) terus kukuh bagi suku kedua berturut-turut, didorong oleh peningkatan pengeluaran yang lebih meluas, meliputi semua subsektor utama. Sementara itu, tanda-tanda pemulihan dalam aktiviti dalam sektor pembinaan dan perlombongan jelas dengan kadar kemerosotan yang lebih kecil dicatat pada suku ini. Aktiviti kejuruteraan awam yang bertambah baik dan pertumbuhan segmen kediaman yang sederhana menyumbang kepada prestasi sektor pembinaan. Dalam sektor perlombongan, kemerosotan disebabkan keseluruhannya oleh pengeluaran gas asli yang lebih rendah (-1.2%; 5,575 juta kaki padu standard sehari), berikutan penutupan berperingkat-peringkat loji MLNG 2 untuk tujuan pengembangan kapasiti.

Permintaan dalam negeri kekal teguh dengan mencatat pertumbuhan 6.9%. Aktiviti pelaburan swasta serta perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh beberapa perusahaan awam bukan kewangan menyokong pertumbuhan pembentukan modal tetap kasar yang mantap sebanyak 7.6%. Perusahaan perniagaan terus membuat pelaburan ekoran sentimen ekonomi yang

menggalakkan berterusan. Corak pelaburan yang mantap dicerminkan oleh penunjuk kewangan dan bukan kewangan yang utama. Import barangan modal mencatat pertumbuhan yang kukuh. Terbitan sekuriti hutang swasta bagi aktiviti baru, kelulusan pinjaman kepada perusahaan perniagaan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor perkilangan dan pembinaan juga meningkat. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan lebih rendah. Pada suku kedua, pelaburan awam terus tertumpu pada projek penting, seperti pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar, utiliti awam, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Perbelanjaan penggunaan swasta berterusan pada suku kedua dan meningkat 7.3%. Keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan pertumbuhan pendapatan boleh guna yang berterusan, berikutan harga komoditi yang tinggi dan perolehan eksport yang menggalakkan, telah meningkatkan sentimen pengguna dan menyokong aktiviti perbelanjaan isi rumah. Trend ini juga dicerminkan oleh Indeks Sentimen Pengguna MIER yang meningkat melebihi paras ambang 100 mata kepada 104.2 mata (S1: 90.1 mata). Penunjuk penggunaan isi rumah, seperti import barangan penggunaan dan perbelanjaan kad kredit mencatat pertumbuhan yang mampan. Keadaan pasaran pekerja pada umumnya positif dengan bilangan kekosongan jawatan terus tinggi dan prospek pekerjaan bertambah baik. Memandangkan perbelanjaan emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta pentadbiran am adalah lebih tinggi pada suku kedua, paras penggunaan awam mencatat pertumbuhan sebanyak 4%. Kedudukan fiskal keseluruhan mencatat lebihan sebanyak 4.8% daripada KDNK (S1: +3.8% daripada KDNK) berikutan peningkatan dalam hasil berkaitan dengan petroleum dan pungutan cukai pendapatan.

Pada suku kedua 2006, inflasi seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 4.1% (S1: 3.7%). Harga tenaga yang tinggi terus menjadi punca utama inflasi tolakan kos. Kos pengangkutan yang lebih tinggi akibat kenaikan harga runcit bahan api pada bulan Mac 2006, menyebabkan inflasi kekal tinggi pada suku kedua.

Dalam sektor luaran, lebihan dagangan menyusut lagi kepada RM23.2 bilion (S1: RM25.8 bilion) dengan pertumbuhan import kasar (11.5%) lebih tinggi berbanding dengan eksport kasar (9.8%). Pertumbuhan eksport kasar didorong terutamanya oleh eksport perkilangan dan eksport galian yang terus mencatat pertumbuhan dua angka (masing-masing sebanyak 10.4% dan 10.1%). Eksport perkilangan mencerminkan kenaikan eksport keluaran berasaskan sumber. Eksport keluaran E&E sebagai satu kumpulan berkembang 6.4% (S1: 8.4%) meskipun harga dalam beberapa segmen tertentu lebih rendah. Perolehan daripada eksport galian meningkat berikutan harga tenaga yang kekal tinggi meskipun jumlah eksport lebih rendah. Harga eksport purata bagi minyak mentah Malaysia pada suku kedua ialah USD71.12 setong dan gas asli cecair pula ialah RM1,033 setan.

Eksport pertanian meningkat 3.7%, disokong terutamanya oleh peningkatan eksport getah yang ketara (61.7%). Peningkatan eksport getah yang nyata ini pula hasil daripada kenaikan harga (53.9%). Permintaan global yang kukuh daripada sektor automotif menyokong harga yang tinggi bagi getah asli. Sementara itu, perolehan daripada eksport minyak sawit merosot 3.3% kerana jumlah eksport yang lebih rendah berikutan bertambahnya bekalan minyak sayuran pengganti di negara pembeli utama termasuk India dan Pakistan.

Import kasar terus kukuh mencerminkan pengembangan yang berterusan dalam bahan yang diimport untuk eksport perkilangan, dan perbelanjaan pengguna dalam negeri serta aktiviti pelaburan swasta yang berterusan. Pada suku kedua, import barangan modal berkembang 8.5%. Permintaan luar negeri terhadap eksport komoditi yang kukuh, penerokaan minyak dan gas, dan peningkatan dalam perjalanan dalam rantau ini mendorong peningkatan dalam permintaan terhadap pesawat udara, kapal dan kapal sokongan luar pesisir. Tidak termasuk barangan *lumpy* itu, import barangan modal terus berkembang 5.4%. Pengembangan dan peningkatan kapasiti bagi keefisienan bahan api dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan mendorong pertumbuhan yang kukuh dalam pengimportan alat penjana, turbin dan motor elektrik, serta jentera untuk perkilangan. Import barangan pengantara yang terdiri terutamanya daripada input bagi industri E&E, makanan dan keluaran minuman, berkembang 7.6%. Import barangan penggunaan juga meningkat 13.2%, mencerminkan perbelanjaan pengguna swasta yang kukuh.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (FDI), yang dipantau oleh sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia, mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM2.5 bilion. Aliran masuk ini adalah menyeluruh dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Perlu diambil perhatian bahawa data FDI ini hanya merangkumi aliran kewangan baru dan tidak termasuk perolehan tertahan yang dilaburkan semula di Malaysia. Ia juga tidak termasuk pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport. Pada suku kedua, aliran masuk bersih pelaburan portfolio berjumlah RM1.3 bilion. Bagi pelaburan luar negeri, terdapat aliran keluar bersih sebanyak RM3.6 bilion.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM289.3 bilion (USD78.8 bilion) pada 30 Jun 2006. Pada 15 Ogos 2006, rizab berjumlah RM291 bilion (USD79.2 bilion), memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 6.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Ekonomi dalam negeri meningkat pada kadar yang mampan pada suku kedua, dalam suasana permintaan dalam negeri yang menggalakkan dan persekitaran luaran yang menyokong. Statistik terkini menunjukkan bahawa inflasi memuncak pada separuh pertama 2006 dan dijangka lebih rendah pada bulan-bulan seterusnya tahun ini. Di samping itu, tiada bukti jelas kesan inflasi pusingan kedua dan tiada tanda-tanda peningkatan inflasi berpunca daripada permintaan. Dengan faktor-faktor ini, kadar faedah tidak perlu diubah buat sementara waktu selepas dinaikkan sebanyak tiga kali. Berikutan itu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah pada 3.50%.

Kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan secara relatif stabil selepas kenaikan pada akhir bulan April dan awal bulan Mei. Pada 31 Julai, kadar deposit tetap purata bagi tempoh matang 1 bulan hingga 12 bulan adalah antara 3.12% dan 3.76%. Khususnya, kadar purata bagi tempoh matang 6 bulan dan 9 bulan masing-masing meningkat 23 dan 32 mata asas kepada 3.34% dan 3.48% sejak akhir suku pertama. Dari segi kadar pinjaman runcit, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan terus stabil selepas meningkat kepada 6.72% pada pertengahan bulan Mei 2006. Kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan pula meningkat dengan lebih perlahan pada suku kedua kepada 6.55% pada akhir bulan Jun (S1: 6.29%). Kadar antara bank secara relatif kekal stabil sejak akhir bulan April.

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta berterusan pada suku kedua 2006, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang dengan stabil pada kadar tahunan 9.1% (S1: 9.1%). Pembiayaan bank kekal kukuh, dengan pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat 8.6% pada asas tahunan pada akhir S2 2006 (S1: 8.4%). Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.1% (S1:

2.7%), sementara pinjaman sektor isi rumah terkumpul berkembang 13.3% (S1: 14.5%). Kesemua penunjuk pinjaman utama lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya, tetapi pada asas tahunan ia bercampur-campur. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan dan isi rumah terus meningkat, manakala permohonan pinjaman oleh sektor perniagaan dan isi rumah lebih rendah.

Pembiayaan melalui pasaran PDS kekal teguh, dengan RM10.8 bilion dana kasar diperoleh pada suku kedua (S1: RM10.6 bilion). Dana diperoleh terutamanya melalui terbitan Nota Berjangka Sederhana dan bon Islam. Pada asas bersih, jumlah dana yang diperoleh sektor awam dan swasta melalui pasaran modal berjumlah RM10.9 bilion pada suku itu (S1: RM8 bilion).

Wang secara kecil, iaitu M1 berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 10.1% pada suku kedua (S1: 5.7%). Ini terutamanya mencerminkan deposit permintaan sektor perniagaan yang lebih tinggi. Sementara itu, wang secara luas, iaitu M3 meningkat pada kadar pertumbuhan yang mampan sebanyak 6.4% (S1: 6.2%). Pengembangan M3 terus disokong oleh tuntutan yang lebih tinggi terhadap sektor swasta, memandangkan pinjaman terkumpul sistem perbankan serta pemegangan sekuriti oleh sistem perbankan secara relatif meningkat dengan lebih kukuh berbanding dengan suku sebelumnya.

Pergerakan kadar pertukaran ringgit Malaysia terus mencerminkan perubahan dalam permintaan dan penawaran pasaran terhadap ringgit, serta perkembangan mata wang negara serantau dan perindustrian utama. Ringgit menambah nilai dengan kukuh berbanding dengan dolar AS daripada bulan April hingga pertengahan bulan Mei disebabkan prestasi akaun semasa dan aliran modal yang teguh. Walau bagaimanapun, peningkatan terhadap dolar adalah terhad kerana ringgit dan mata wang serantau lain, terjejas akibat penjualan ekuiti dan bon pasaran yang semakin pesat membangun. Penjualan ini disebabkan kebimbangan bahawa kenaikan kadar faedah AS serta harga

komoditi yang tinggi akan menyumbang kepada penyederhanaan kadar pertumbuhan ekonomi global. Pada keseluruhan suku kedua, ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun dan euro. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai berbanding dengan won Korea (1.9%), dolar Singapura (1.5%) dan baht Thailand (1.2%), namun menambah nilai berbanding dengan peso Filipina (4.4%) dan rupiah Indonesia (2.9%).

Sistem perbankan terus kukuh

Sistem perbankan terus kukuh pada suku kedua. Pada akhir bulan Jun, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) ialah 12.9%. Keuntungan sebelum cukai bagi suku kedua berjumlah RM2.9 bilion disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi. Kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik disebabkan terutamanya oleh pinjaman tidak berbayar menjadi berbayar dan kutipan balik yang meningkat. Penurunan dalam pinjaman tidak berbayar (NPL) menyebabkan nisbah NPL bersih menurun kepada 4.2% berdasarkan klasifikasi 6 bulan dan 5.5% berdasarkan klasifikasi 3 bulan.

Momentum asas pertumbuhan terus positif

Melangkah ke hadapan, prospek ekonomi global keseluruhan kekal positif, meskipun harga minyak dan kadar faedah tinggi. Dengan pemulihan ekonomi di Jepun dan Eropah, dan dengan momentum pertumbuhan asas dalam negara serantau khususnya negara-negara besar terus kukuh, pertumbuhan ekonomi global berterusan dan lebih meluas. Pertumbuhan dijangka berterusan pada separuh kedua 2006. Prestasi ekonomi serantau yang menggalakkan akan terus menyokong perdagangan dan pelaburan dalam rantau ini. Di samping itu, permintaan global terhadap komoditi terus kukuh dan menyeluruh.

Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya pada separuh kedua 2006. Pertumbuhan akan terus dipacu oleh permintaan dalam negeri, terutamanya aktiviti sektor swasta dan oleh sektor luar negeri dalam suasana harga komoditi yang tinggi. Selain itu, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat dengan aktiviti projek-projek yang sedang berjalan dipercepatkan dan pelancaran projek-projek baru yang diumumkan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sentimen ekonomi bagi tempoh terdekat kekal teguh, seperti yang ditunjukkan oleh penunjuk masa hadapan aktiviti ekonomi. Indeks Keadaan Perniagaan MIER terkini pada 102.4 mata menyarankan pengembangan yang berterusan dalam aktiviti pelaburan swasta. Keadaan pasaran pekerja yang stabil dan harga komoditi yang tinggi terus menampung perbelanjaan penggunaan isi rumah. Indeks pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia terus mencatat peningkatan yang berterusan sepanjang beberapa bulan kebelakangan ini. Pertumbuhan terkini bagi indeks pelopor enam bulan yang diselaraskan adalah hampir 8%, yang menyarankan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia akan berterusan pada tempoh selebihnya tahun ini.

Bank Negara Malaysia
30 Ogos 2006